Perkembangan Ekonomi Malaysia

SOROTAN PENTING

- **Ekonomi Malaysia berkembang 4.5% pada suku pertama tahun 2019.**
- **Inflasi keseluruhan menjadi negatif pada suku pertama disebabkan terutamanya oleh harga bahan api domestik yang lebih rendah, manakala inflasi teras kekal stabil.**
- **Lebihan akaun semasa imbangan pembayaran meningkat kepada RM16.4 bilion.**

Ekonomi Malaysia berkembang 4.5% pada suku pertama 2019

KDNK keseluruhan meningkat sederhana sebanyak 4.5% pada suku pertama tahun 2019 (S4 2018: 4.7%), didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang terus berkembang. Berdasarkan pelarasan bermusim suku tahunan, ekonomi negara meningkat 1.1% (S4 2018: 1.3%).

Permintaan dalam negeri kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan

Permintaan dalam negeri berkembang 4.4% pada suku pertama (S4 2018: 5.7%), disokong oleh perbelanjaan isi rumah yang kukuh dalam keadaan perbelanjaan modal yang semakin lemah.

Selepas mencatatkan perbelanjaan yang mantap bagi tiga suku tahunan berturut-turut, pertumbuhan penggunaan swasta menjadi sederhana tetapi kekal teguh pada 7.6% (S4 2018: 8.4%). Hal ini mencerminkan terutamanya perbelanjaan yang kembali ke paras wajar berikutan pembelian kukuh yang dibuat lebih awal pada tempoh pelepasan cukai. Namun begitu, perbelanjaan isi rumah terus disokong oleh pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga.

Penggunaan awam berkembang pada kadar yang lebih cepat sebanyak 6.3% (S4 2018: 4.0%) disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan.

Pertumbuhan yang sederhana pada S1 2019

Rajah 4: Pertumbuhan KDNK benar (pada harga malar tahun 2015)*



* Bermula suku pertama tahun 2019, KDNK Malaysia pada harga malar telah diasaskan semula daripada tahun asas 2010 kepada tahun asas 2015

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti sektor swasta kekal pemacu utama pertumbuhan

Rajah 5: Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kemerosotan dalam pembentukan modal tetap kasar

Rajah 6: Pertumbuhan PMTK Mengikut Jenis Aset



* Aset-aset lain termasuk penerokaan mineral, penyelidikan & pembangunan serta pelaburan modal.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) menguncup sebanyak 3.5% (S4 2018: 0.6%) akibat pelaburan sektor swasta dan awam yang lebih perlahan. Dari segi jenis aset, pelaburan untuk struktur merosot sebanyak 1.3% (S4 2018: 1.3%) dalam keadaan aktiviti pasaran harta tanah yang lembap. Perbelanjaan modal untuk jentera dan kelengkapan mencatatkan penguncupan yang lebih tinggi sebanyak 7.4% (S4 2018: -1.3%) disebabkan terutamanya oleh kemerosotan perbelanjaan untuk kelengkapan pengangkutan. Pelaburan dalam jenis aset lain juga merosot sebanyak 2.2% (S4 2018: 4.5%) disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang lebih rendah.

Pertumbuhan pelaburan swasta berkembang dengan lebih perlahan pada kadar 0.4% (S4 2018: 5.8%). Kegiatan pelaburan terjejas akibat ketidakpastian mengenai rundingan perdagangan global dan kelemahan yang masih wujud dalam segmen harta tanah yang luas. Walau bagaimanapun, perbelanjaan untuk projek jangka panjang yang besar memberi sedikit sokongan kepada pertumbuhan pelaburan, terutamanya dalam subsektor perkilangan berkaitan sumber dan perkhidmatan utiliti.

Pelaburan awam merosot lagi sebanyak 13.2% (S4 2018: -5.9%), disebabkan oleh perbelanjaan modal yang lebih rendah oleh Kerajaan Persekutuan dan syarikat awam.

Pertumbuhan yang sederhana merentas kebanyakan sektor diimbangi sebahagiannya oleh pemulihan dalam pertumbuhan sektor pertanian

Sektor perkhidmatan meningkat sederhana apabila subsektor perdagangan borong dan runcit mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan berikutan penggunaan swasta yang telah kembali ke paras yang wajar selepas tempoh pelepasan cukai. Walau bagaimanapun, pertumbuhan yang sederhana ini diimbangi sebahagiannya oleh penjualan kereta yang lebih tinggi dengan keluaran model kereta yang baharu. Subsektor kewangan dan insurans meningkat dengan kukuh, disokong oleh premium yang lebih tinggi berbanding tuntutan yang mengimbangi pembiayaan yang lebih perlahan. Subsektor utiliti mencatatkan peningkatan disebabkan oleh permintaan terhadap elektrik yang lebih tinggi, terutamanya daripada isi rumah berikutan keadaan cuaca yang lebih panas. Subsektor maklumat dan komunikasi terus disokong oleh permintaan untuk perkhidmatan komunikasi data.

Pertumbuhan dalam sektor perkilangan menjadi sederhana, didorong terutamanya oleh kemerosotan dalam kelompok elektronik dan elektrik (E&E) serta kelompok keluaran berkaitan sumber. Pertumbuhan yang lebih perlahan dalam kelompok E&E adalah disebabkan oleh permintaan global yang lebih rendah terhadap separa konduktor. Pelaksanaan piawaian pengeluaran asap yang lebih ketat di Kesatuan Eropah dan rebat cukai kereta yang tamat tempohnya di RR China menjejaskan permintaan terhadap separa konduktor automatif. Pertumbuhan dalam kelompok keluaran berkaitan sumber juga menjadi sederhana disebabkan penutupan loji pengeluaran gas yang tidak dirancang di Sarawak pada bulan Februari menjejaskan pengeluaran produk petroleum yang ditapis, terutamanya gas asli cecair. Sementara itu, pemulihan dalam pengeluaran produk berasaskan minyak sawit mendorong kepada peningkatan kelompok keluaran berkaitan pengguna pada suku tersebut.

Perkembangan lebih sederhana dalam kebanyakan sektor dalam ekonomi

Rajah 7: Pertumbuhan Mengikut Sektor



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkhidmatan dan perkilangan kekal sebagai penyumbang utama pertumbuhan

Rajah 8: Sumbangan kepada KDNK Benar Mengikut Sektor Ekonomi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan sektor pertanian kembali positif disebabkan oleh pemulihan hasil minyak sawit yang ketara selepas mengalami cuaca buruk pada tahun lepas. Selain itu, pengeluaran getah asli bertambah baik apabila harga getah yang lebih tinggi menjadi pendorong kepada aktiviti penorehan pada suku pertama.

Pertumbuhan dalam sektor perlombongan terus merosot apabila pengeluaran minyak terjejas terutamanya akibat penutupan loji yang tidak dirancang di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Pertumbuhan turut terjejas akibat pengeluaran gas asli yang menurun berikutan operasi yang terjejas oleh penutupan loji gas yang tidak dirancang.

Sektor pembinaan mencatatkan pertumbuhan yang lebih rendah mencerminkan kegiatan subsektor bukan kediaman, kejuruteraan awam dan pertukangan khas yang lebih perlahan. Projek-projek petrokimia yang besar yang hampir siap mengakibatkan pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam yang lebih rendah. Pertumbuhan subsektor pertukangan khas menjadi sederhana disebabkan terutamanya oleh pengurangan kerja-kerja awal daripada projek pengangkutan yang beralih kepada fasa pertengahan. Dalam subsektor bukan kediaman dan kediaman, pertumbuhan kekal lemah disebabkan oleh lebihan bekalan harta tanah komersial dan jumlah harta tanah kediaman tidak terjual yang tinggi.

Inflasi keseluruhan menjadi negatif disebabkan terutamanya oleh harga bahan api domestik yang lebih rendah

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP) menurun kepada -0.3% pada S1 2019 (S4 2018: 0.3%).

Penurunan ini adalah disebabkan terutamanya oleh harga bahan api domestik yang lebih rendah, berikutan pelaksanaan semula mekanisme penentuan harga apungan terurus untuk bahan api mulai 5 Januari 2019 dalam keadaan harga minyak dunia yang lebih rendah pada suku pertama. Harga siling yang lebih rendah bagi petrol RON95 pada RM2.08/liter berkuat kuasa 2 Mac 2019 turut membantu membendung kenaikan harga bahan api domestik pada bulan Mac.

Inflasi negatif pada suku pertama tidak menyeluruh, dengan 81% daripada barangan pengguna tidak mengalami penurunan harga.

Inflasi teras, yang tidak mengambil kira kesan daripada perubahan dasar cukai penggunaan, tidak berubah pada 1.6%. Walaupun pengembangan aktiviti ekonomi yang stabil disokong oleh pertumbuhan guna tenaga dan pendapatan yang berterusan, tekanan inflasi dalam ekonomi yang didorong oleh permintaan kekal dibendung dengan ketiadaan tekanan gaji yang berlebihan dan terdapat lebihan kapasiti dalam stok modal.

Inflasi keseluruhan yang menurun mencerminkan harga bahan api domestik yang lebih rendah

Rajah 9: Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen

Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



- Inflasi keseluruhan (%)
- Inflasi teras[1] (%)
- Inflasi teras[1] (mata peratusan)
- Bahan api (mata peratusan)
- Lain-lain[2] (mata peratusan)
- Kesan bersih daripada perubahan dasar cukai penggunaan (mata peratusan)

[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak mengambil kira anggaran kesan langsung daripada perubahan dasar cukai penggunaan.
[2] Lain-lain termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan lain yang harganya ditadbir

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Bahagian barangan pengguna yang mencatatkan penurunan harga kekal kecil

Rajah 10: Perubahan Suku Tahunan dalam IHP

Peratusan barangan IHP (%)



Nota: Bahagian barangan pengguna yang lebih besar yang mencatatkan penurunan harga pada S2 2018 dan S3 2018 adalah disebabkan terutamanya oleh pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan pada kadar sifar. Rajah ini berdasarkan perubahan suku tahunan dalam IHP untuk 125 kelas perbelanjaan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Guna tenaga terus meningkat meskipun pada kadar yang lebih sederhana

Rajah 11: Pertumbuhan Guna Tenaga



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan upah sektor perkilangan terus mampan

Rajah 12: Upah Sektor Perkilangan Agregat



Nota: Upah sektor perkilangan diperoleh daripada data gaji dan upah yang diterbitkan dalam Perangkaan Pembuatan Bulanan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Keadaan pasaran pekerja stabil

Keadaan pasaran pekerja terus menyokong aktiviti ekonomi. Jumlah guna tenaga terus bertambah walaupun pada kadar yang lebih sederhana pada 2.2% (S4 2018: 2.4%), dalam keadaan kadar pengangguran yang stabil (3.3%; S4 2018: 3.3%). Sektor perkhidmatan mencatatkan pertambahan guna tenaga bersih yang kukuh.

Pertumbuhan upah sektor perkilangan kekal mantap pada kadar 7.0% (S4 2018: 9.8%). Kenaikan upah dalam industri yang berorientasikan eksport (7.7%; S4 2018: 10.8%) terus mengatasi kenaikan upah dalam industri yang berorientasikan dalam negeri (5.2%; S4 2018: 6.6%).

Lebihan akaun semasa meningkat

Lebihan akaun semasa meningkat kepada RM16.4 bilion pada suku pertama (S4 2018: RM10.8 bilion), lebihan tertinggi sejak S1 2014 (RM19.8 bilion). Peningkatan ini disebabkan oleh lebihan barangan yang lebih besar serta defisit pendapatan dan perkhidmatan yang lebih kecil.

Lebihan barangan meningkat kepada RM33.8 bilion (S4 2018: RM32.7 bilion) dalam keadaan import input pengeluaran dan barangan modal yang lebih rendah. Hal ini telah mengimbangi eksport yang lebih rendah dalam sektor perkilangan dan komoditi.

Akaun perkhidmatan mencatatkan defisit yang lebih kecil sebanyak RM1.8 bilion (S4 2018: -RM3.8 bilion) disebabkan terutamanya oleh pembayaran bersih yang lebih rendah kepada penyedia perkhidmatan pengangkutan asing selaras dengan aktiviti perdagangan yang lebih sederhana. Akaun perjalanan juga mencatatkan lebihan yang lebih besar (RM7.9 bilion; S4 2018: RM7.7 bilion) disebabkan oleh bayaran perjalanan keluar yang lebih rendah.

Dalam akaun pendapatan, defisit pendapatan yang lebih kecil dalam akaun primer (-RM10.1 bilion; S4 2018: -RM12.9 bilion) adalah disebabkan terutamanya oleh pembayaran pelaburan portfolio yang lebih rendah (RM4.7 bilion; S4 2018: RM7.3 bilion). Defisit pendapatan sekunder berjumlah RM5.5 bilion (S4 2018: -RM5.2 bilion), disebabkan pengiriman wang ke luar oleh pekerja asing yang berterusan.

Imbangan akaun semasa lebih tinggi

Rajah 13: Imbangan Akaun Semasa



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aliran masuk bersih dalam akaun pelaburan langsung disebabkan oleh aliran FDI yang lebih tinggi

Rajah 14: Aliran Pelaburan Langsung Bersih Mengikut Sektor



Nota: Bagi DIA, angka positif merujuk aliran keluar bersih manakala angka negatif merujuk aliran masuk bersih

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Perubahan arah akaun pelaburan portfolio pada S1 2019 disebabkan oleh aliran masuk pelabur bukan pemastautin

Rajah 15: Pelaburan portfolio



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Aliran keluar bersih dalam akaun kewangan

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM13.8 bilion (S4 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM6.1 bilion), disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik peminjaman antara bank oleh institusi kewangan domestik. Aliran masuk bersih daripada pelaburan langsung dan portfolio pada suku pertama mengimbangi sebahagiannya aliran keluar bersih yang lebih tinggi dalam akaun pelaburan lain.

Akaun pelaburan langsung mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM16.3 bilion (S4 2018: aliran masuk bersih sebanyak RM2.1 bilion), disokong oleh aliran masuk pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*, FDI) yang lebih tinggi, sebanyak RM21.7 bilion (S4 2018: aliran masuk bersih sebanyak RM12.9 bilion). Aliran masuk ini mencerminkan sebahagiannya pelupusan kepentingan ekuiti dalam syarikat penjagaan kesihatan swasta kepada pelabur Jepun dan penubuhan usaha sama dalam sektor minyak dan gas. Dari segi sektor, FDI disalurkan terutamanya kepada sektor perkhidmatan, khususnya subsektor penjagaan kesihatan, dan sektor perkilangan. Pelaburan langsung luar negeri (*direct investment abroad*, DIA) oleh syarikat Malaysia mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih rendah, iaitu sebanyak RM5.5 bilion (S4 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM10.8 bilion). Aliran keluar DIA disalurkan terutamanya kepada subsektor perkhidmatan kewangan dan sektor perlombongan.

Akaun pelaburan portfolio mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM2.1 bilion (S4 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM5.8 bilion). Pada suku pertama, sentimen pelabur dalam rantau ini nyata bertambah baik, susulan daripada penunjuk oleh Federal Reserve AS (*the Fed*) bahawa dasar akomodatif monetari yang akan dikembalikan ke paras yang wajar diberhentikan sementara, dan kemajuan dalam rundingan perdagangan antara AS dengan RR China. Hal ini mencerminkan pelaburan portfolio bukan pemastautin yang kembali pulih (S1 2019: aliran masuk bersih sebanyak RM13.5 bilion; S4 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM2.5 bilion), disebabkan terutamanya oleh pembelian sekuriti hutang domestik yang lebih tinggi. Aliran masuk portfolio bukan pemastautin diimbangi sebahagiannya oleh pemerolehan aset yang berterusan oleh pemastautin yang menyebabkan aliran keluar bersih menjadi lebih tinggi, sebanyak RM11.4 bilion (S4 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM3.3 bilion).

Akaun pelaburan lain mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM31.9 bilion (S4 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM1.8 bilion). Aliran keluar bersih ini adalah disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik peminjaman antara bank. Kesilapan dan ketinggalan bersih berjumlah +RM2.9 bilion, atau +0.7% daripada jumlah dagangan. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah USD103.0 bilion pada akhir bulan Mac 2019, berbanding USD101.4 bilion pada akhir bulan Disember 2018.

Hutang luar negeri kekal terurus

Hutang luar negeri Malaysia lebih rendah pada RM903.7 bilion, atau 59.5% daripada KDNK pada akhir bulan Mac 2019 (akhir bulan Disember 2018: RM924.9 bilion atau 63.9% daripada KDNK). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh bayaran balik bersih bagi peminjaman antara bank dan kredit perdagangan, serta pengurangan deposit bukan pemastautin. Terdapat juga pelarasan penilaian semula daripada ringgit yang lebih kukuh berbanding dengan mata wang serantau dan utama pada suku pertama tahun 2019. Hal ini diimbangi pada sebahagiannya oleh terbitan bersih bon dan nota serta pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin dan pinjaman antara syarikat berkaitan yang lebih tinggi.

Hutang luar negeri Malaysia kekal terurus berdasarkan profil mata wang dan tempoh matang serta terdapat aset luaran yang besar. Hampir satu pertiga daripada hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit (32.7%; akhir bulan Disember 2018: 31.1%), terutamanya dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin (bahagian sebanyak 63.2%) dan deposit dalam ringgit (bahagian sebanyak 17.6%) dalam institusi perbankan domestik. Oleh itu, liabiliti ini tidak tertakluk pada perubahan penilaian berikutan turun naik dalam kadar pertukaran ringgit.

Baki hutang luar negeri sebanyak RM607.9 bilion atau 67.3% daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam denominasi mata wang asing dan sebahagian besarnya terdiri daripada peminjaman luar pesisir. Pada akhir bulan Mac 2019, peminjaman luar pesisir menurun kepada RM546.9 bilion atau 36.0% daripada KDNK (akhir bulan Disember: RM566.9 bilion atau 39.2% daripada KDNK). Sektor korporat mencakupi lebih separuh daripada hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing dan tertakluk pada keperluan kehematan dan perlindungan nilai.

Hutang luar negeri lebih rendah pada S1 2019

Rajah 16: Perubahan dalam Hutang Luar Negeri
Perubahan bersih[1]: -RM21.2 bilion



[1] Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian kadar pertukaran
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang dalam denominasi mata wang asing tertakluk kepada amalan pengurusan mudah tunai berhemat dan keperluan melindung nilai

Rajah 17: Butiran Hutang Luar Negeri dalam Denominasi Mata Wang Asing (% keseluruhan)



*Termasuk kredit perdagangan dan pelbagai, seperti tuntutan insurans yang belum dikeluarkan dan faedah belum bayar untuk bon dan nota

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Dari segi instrumen, 35.4% (atau RM215.3 bilion) hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing terdiri daripada peminjaman antara bank dan deposit mata wang asing dalam sistem perbankan domestik. Dalam peminjaman antara bank ini, 80.7% peminjaman dalam kumpulan adalah dalam bentuk peminjaman antara kumpulan yang stabil daripada bank yang berkaitan di luar negeri, seperti bank induk, pejabat serantau dan anak syarikat, yang mencerminkan mudah tunai berpusat dan amalan pengurusan pendanaan bank. Pada suku pertama, hutang luar negeri jangka pendek bank dalam denominasi mata wang asing menurun sebanyak RM30.7 bilion berikutan pembayaran balik bersih peminjaman antara bank. Hal ini mencerminkan terutamanya keperluan pendanaan beberapa bank asing yang lebih rendah, termasuk bank yang beroperasi di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan. Risiko pertukaran asing, yang diukur dalam kedudukan terbuka bersih pendedahan[2] dalam denominasi mata wang asing kekal rendah pada 5.1% daripada jumlah modal bank. Hal ini mencerminkan pendirian bank yang terus berhati-hati dalam menguruskan risiko yang berpunca daripada peminjaman luar negeri mereka.

Bon dan nota jangka panjang yang diterbitkan di luar pesisir berjumlah RM157.6 bilion pada akhir bulan Mac 2019. Terbitan bon dan nota jangka panjang ini menyumbang 25.9% kepada jumlah hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing. Bon dan nota ini diterbitkan terutamanya oleh syarikat bukan kewangan dan disalurkan khususnya untuk membiayai pemerolehan aset di luar negeri. Kerajaan Persekutuan juga menerbitkan bon Samurai berjumlah RM7.4 bilion pada suku pertama. Pinjaman antara syarikat berkaitan berjumlah RM105.6 bilion dan merupakan 17.4% daripada hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing. Pinjaman ini lazimnya berdasarkan syarat yang fleksibel dan pada kadar konsesi. Kira-kira 80% daripada pinjaman antara syarikat telah diperoleh syarikat multinasional (MNC) daripada syarikat induk dan syarikat sekutu di luar negeri.

[2] Merujuk jumlah teragregat (aggregated sum) kedudukan mata wang asing jangka pendek atau panjang bersih bagi semua mata wang merentas bank.

Dari perspektif tempoh matang, 59.2% daripada jumlah hutang luar negeri menjurus kepada tempoh jangka sederhana hingga jangka panjang (akhir bulan Disember: 56.2%), menunjukkan risiko pelanjutan yang terhad. Hutang luar negeri jangka pendek merupakan baki 40.8% daripada jumlah hutang luar negeri. Pada 30 April 2019, rizab antarabangsa berjumlah USD103.4 bilion, yang mencukupi untuk membiayai 7.4 bulan import tertangguh, dan merupakan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Yang penting, rizab bukanlah satu-satunya cara bagi bank dan syarikat untuk memenuhi obligasi luaran mereka. Liberalisasi secara progresif terhadap peraturan pentadbiran pertukaran asing membawa kepada peningkatan aset luaran bukan rizab yang ketara. Khususnya, bank dan syarikat memegang kira-kira tiga perempat daripada aset luaran Malaysia bernilai RM1.7 trilion. Aset luaran ini boleh digunakan untuk membayar obligasi hutang luar negeri mereka sebanyak RM698.6 bilion, tanpa perlu membuat tuntutan terhadap rizab antarabangsa. Walaupun kadar pertukaran asing yang fleksibel merupakan faktor perlindungan yang utama, rizab antarabangsa yang mencukupi dan ketersediaan aset luaran mata wang asing bank dan syarikat yang besar akan terus menjadi penampan dasar yang penting terhadap sebarang kemungkinan kejutan luaran.